



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA PELANCARAN
PROGRAM SUKARELAWAN JIWA MALAYSIA
NEGERI SARAWAK**

DEWAN DATUK GODAM, PUSA BETONG SARAWAK

3 MAC 2016 (KHAMIS)

[Salutasi akan di kemaskini]

MUKADIMAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul di hari yang penuh bermakna ini sempena Majlis Pelancaran Program Sukarelawan Jiwa Malaysia Negeri Sarawak.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Pejabat Daerah Pusa di atas perkongsian pintar (*smart partnership*) dalam menganjurkan program pada hari ini. Terima kasih juga kepada warga Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak, Jabatan Pendidikan Daerah Betong, Jabatan Penerangan Daerah Betong, Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak, Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, dan Giat Mara Komuniti Pusa, di atas sokongan padu dan kesudian menjadi tuan rumah kepada majlis pada hari ini.

KEPENTINGAN SUKARELAWAN

Hadirin sekalian,

3. Program kesukarelawanan telah diberi perhatian oleh pihak kerajaan terutama dalam kalangan belia melalui Program 1Malaysia For Youth (iM4U) bertujuan untuk membangunkan para sukarelawan yang bersedia memberi khidmat bakti dari segi tenaga dan idea kepada masyarakat. Kerajaan juga telah melaksanakan Program 1Malaysia Youth Empowerment and Support (1MYES) di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi memperkasakan golongan belia dalam pembangunan sukarelawan terutamanya pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

4. Selaras dengan kepentingan peranan sukarelawan seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melalui program di atas, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui ISM turut mengambil peranan proaktif dengan memberi penekanan kepada pembangunan sukarelawan melalui program-program latihan yang dijalankan kepada sukarelawan di seluruh negara.

PROGRAM SUKARELAWAN JIWA MALAYSIA

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Kementerian sentiasa berusaha menyubur dan menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat di seluruh negara. Melalui aktiviti ini, para sukarelawan berpeluang membantu Kementerian khasnya dan negara amnya dengan menghulurkan bantuan dan pertolongan kepada masyarakat yang memerlukan seperti warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan juga semasa berlaku bencana seperti banjir, kebakaran, tanah runtuh dan sebagainya.
6. Selain daripada Program Sukarelawan Jiwa Malaysia di bawah ISM yang kita saksikan pada hari ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) turut mempunyai program sukarelawan masing-masing. Misalnya, pasukan sukarelawan JKM yang ditubuhkan sejak tahun 1985 telah melaksanakan pelbagai aktiviti sukarelawan di seluruh negara terutama menerusi program bantu di rumah (*home help*).

7. Saya difahamkan bermula daripada tahun 2010 sehingga Februari 2016, ISM telah memberi latihan asas sukarelawan kepada **9,912 orang** sukarelawan yang berdaftar di dalam pangkalan data sukarelawan di ISM. Bagi Negeri Sarawak pula, seramai **2,337 orang** sukarelawan telah diberi pendedahan dan latihan melalui 15 program latihan yang telah dijalankan.
8. Sukacita saya dimaklumkan, pada hari ini, Program Sukarelawan Jiwa Malaysia di Pusa melibatkan penyertaan seramai 500 orang sukarelawan dari 26 buah kampung, serta sukarelawan dari Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional , Giat Mara Betong, Kolej Komuniti Betong, Sekolah Menengah Pusa serta 10 buah rumah klien JKM.

KAJIAN PEMBANGUNAN KERANGKA KE ARAH MENGGERAKKAN SUKARELAWAN SECARA OPTIMUM

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Dari segi kajian, ISM bersama Unit Perunding Universiti Malaya telah melaksanakan **"Kajian Pembudayaan Kesukarelaan Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia"** pada tahun 2012 ke atas responden yang sebahagian besarnya terdiri daripada pelajar institusi

pengajian tinggi (IPT) dan orang awam. Berdasarkan dapatan kajian itu, responden berpandangan bahawa penyertaan seseorang dalam aktiviti kesukarelawanan dapat meningkatkan sikap positif seperti tanggungjawab sosial, motivasi diri, kenalan, keprihatinan terhadap mereka yang memerlukan, kemahiran komunikasi serta keyakinan diri.

10. Bagi mempertingkatkan lagi tadbir urus aktiviti dan organisasi kesukarelawanan di negara ini, pada ketika ini, ISM bersama-sama UKM Pakarunding sedang menyiapkan **Kajian Pembangunan Kerangka Ke Arah Menggerakkan Sukarelawan Secara Optimum.**

Kajian ini mengandungi tiga objektif utama, iaitu;

- (i) mengenal pasti isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pertubuhan sukarela dalam menyampaikan perkhidmatan;
- (ii) mengenal pasti amalan terbaik pengurusan strategik dalam kalangan pertubuhan sukarela; dan
- (iii) mencadangkan pembentukan mekanisme bagi mengurus, menggerak, dan menyelaraskan pertubuhan sukarela dan sukarelawan di negara ini.

InsyaAllah dapatan kajian ini akan dapat dihebahkan kepada umum dalam masa terdekat.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Dengan pelaksanaan Program Sukarelawan Jiwa Malaysia ini, seperti yang kita saksikan pada hari ini, saya berharap para peserta dapat menyumbangkan tenaga kerja dan bantuan kepada penduduk setempat atau daerah berhampiran apabila berlakunya sesuatu perkara yang memerlukan bantuan daripada para sukarelawan semua. Selain itu, para peserta diharap dapat terus melibatkan diri dalam sebarang program amal yang dianjurkan oleh Kementerian di kawasan kita atau daerah yang berhampiran dengan kita pada masa yang akan datang.

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih semua pihak yang telah bekerjasama, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Program Sukarelawan Jiwa Malaysia Negeri Sarawak pada hari ini.

Dengan lafaz Bismilahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Pelancaran Program Sukarelawan Jiwa Malaysia Negeri Sarawak.

**Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.